

USAHAWAN WANITA MUSLIM BERJAYA: AMALAN GAYA HIDUP ISLAM

Syarifah Md Yusof (Pengarang Penghubung)

Islamic Business School,

Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul

Aman, Malaysia

Tel: 604-9286681

E-mail: syarifah@uum.edu.my

Abu Bakar Hamed

Raziah Md Tahir

Azizah Othman

Islamic Business School,

Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul

Aman, Malaysia

Date submitted: 4 October 2017; Date Accepted: 4 March 2018

ABSTRAK

Keusahawanan merupakan satu bidang kerjaya yang mencabar. Terdapat ramai usahawan wanita Muslim yang menceburi bidang keusahawanan, namun tidak semua berjaya. Usahawan yang berjaya sudah pasti mempunyai amalan yang berbeza dengan mereka yang gagal. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan gaya hidup Islam berdasarkan ciri-ciri keimanan, ibadah dan akhlak yang diamalkan oleh usahawan wanita Muslim berjaya. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif dengan kaedah fenomenologikal untuk mempelajari pengalaman sebenar usahawan wanita Muslim berjaya dalam menguruskan perniagaan mereka. Pemilihan usahawan yang terlibat dalam kajian ini adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan dan temu bual mendalam digunakan untuk mengutip data daripada mereka. Data dianalisis menggunakan kaedah kondensasi data, pembentangan data dan melakar rumusan dan pengesahan. Penemuan kajian menunjukkan usahawan wanita Muslim berjaya meyakini konsep keberkatan rezeki, rezeki ketentuan Allah dan berdoa. Sementara itu elemen ibadah yang diamalkan oleh mereka melibatkan zakat, sedekah, solat duha, baca al-Quran dan bersilaturrahim. Elemen akhlak pula menunjukkan sifat syukur, tawakal, sabar dan pemurah menjadi amalan usahawan wanita Muslim berjaya. Oleh itu untuk berjaya dan mencapai al-falah, usahawan wanita Muslim perlu menerapkan nilai-nilai keimanan, meningkatkan ibadah serta berakhak mulia. Mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh dalam mengurus perniagaan mereka dengan baik dan bijaksana, seterusnya berdoa dan bertawakal kepada Allah untuk menperolehi kejayaan dunia dan akhirat.

SUCCESSFUL WOMEN ENTREPRENEUR: ISLAMIC LIFE PRACTICE

ABSTRACT

Entrepreneurship is a challenging career. There are many Muslim women entrepreneurs who venture into entrepreneurship, but not all succeed. Successful entrepreneur certainly have different practices with those who fail. Hence, this study aims to explore the practice of Islamic lifestyle based on the characteristics of faith, worship and morality practiced by successful Muslim women entrepreneurs. This study uses a qualitative research approach with phenomenological methods to learn the true experience of successful Muslim women entrepreneurs in managing their business. The selection of entrepreneurs involved in the study was based on purposive sampling techniques and in-depth interviews were used to collect data from them. The data were analyzed using data condensation method, data presentation and formulation and validation. The findings of the study show Muslim women entrepreneurs to believe in the concept of sustenance, sustenance of God's provision and prayer. Meanwhile, the elements of worship that they practice including zakat, alms, dhuha prayer, reading al-Quran and friendship. Moral elements show gratitude, tawakal, patience and generosity as the practice of successful Muslim women entrepreneurs. Therefore, to succeed and achieve al-falah, Muslim women entrepreneurs need to apply the values of faith, improve worship and be virtuous. They need to work hard in managing their business wisely, then praying and trusting God to gain success of the world and the hereafter.

Keywords: Keusahawanan Islam, Usahawan berjaya, Gaya hidup Islam, Usahawan wanita Muslim

PENGENALAN

Islam merupakan al-Din yang bermaksud Islam sebagai satu cara hidup. Gaya hidup Islam merujuk kepada gaya hidup yang selari dengan ajaran Islam. Islam bukan setakat keimanan dalam hati, tetapi juga perlu kepada amalan dan ditampilkan dengan akhlak dan peribadi yang mulia.

Amalan gaya hidup Islam memastikan seseorang itu memiliki akidah yang benar, melaksanakan amalan yang dituntut oleh Islam dan menunjukkan akhlak yang mulia. Kehidupan yang menolak konsep qada' dan qadar atau menolak konsep keberkatan rezeki

bertentangan dengan gaya hidup halal. Begitu juga individu yang tidak mengeluarkan zakat dan enggan bersedekah meskipun memiliki banyak harta dikira tidak mengamalkan gaya hidup halal. Sikap tidak bersyukur dan kedekut juga menunjukkan akhlak yang tersasar daripada gaya hidup Islam. Gaya hidup Islam perlu diamalkan tidak kira apa jua bidang yang diceburi oleh seseorang, hatta bidang keusahawanan.

Keusahawanan dan perniagaan sememangnya diharuskan dalam Islam bagi memenuhi fitrah manusia dalam memiliki harta. Dengan harta tersebut manusia boleh memenuhi keperluan dan keinginan individu, keluarga masyarakat dan negara. Di samping itu, harta juga boleh membawa manusia ke arah kebaikan dunia dan akhirat dengan syarat harta itu diperolehi dan dibelanjakan sebagai mana yang dituntut oleh syariat Islam. Oleh itu, umat Islam disaran untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan dan perniagaan yang sekarang ini dimonopoli oleh bukan Islam.

Keterlibatan wanita dalam bidang perniagaan bukanlah sesuatu yang baharu. Pada 1400 tahun dahulu, Sayyidatina Khadijah telah terkenal sebagai seorang usahawan wanita berjaya sebelum berkahwin dengan Baginda Rasulullah s.a.w lagi. Aktiviti perniagaan yang diusahakan beliau merentasi sempadan negeri sehingga ke peringkat antarabangsa. Sayyidatina Khadijah merupakan contoh usahawan wanita terbaik bagi kaum wanita yang berminat dalam bidang keusahawanan. Rasulullah s.a.w juga merupakan seorang usahawan yang berjaya. Selaras dengan Islam sebagai satu cara hidup, baginda menunjukkan sifat akhlak terpuji sepanjang mengendalikan perniagaan. Baginda amat terkenal dengan sifat amanah dalam berurus dengan orang ramai sehingga dikenali dengan gelaran al-Amin oleh penduduk Mekah. Keadilan yang ditunjukkan Baginda s.a.w serta akhlak mulia yang dipamerkan menyumbang kepada kejayaan Baginda s.a.w dalam perniagaan.

Terdapat ramai usahawan yang beroleh kejayaan dalam perniagaan mereka, namun tidak sedikit juga yang gagal di tengah jalan. Mereka yang berjaya mempunyai latar belakang atau nilai-nilai amalan yang sudah pastinya berbeza berbanding dengan mereka yang gagal. Usahawan Muslim masa kini sewajarnya mengamalkan ajaran Islam sebagai gaya hidup dalam menjalankan

urusian keusahawanan mereka. Persoalannya apakah amalan gaya hidup Islam yang diamalkan oleh usahawan Muslim sehingga membawa kepada kejayaan perniagaan mereka? Kajian berkaitan dengan amalan gaya hidup Islam dalam kalangan usahawan wanita Muslim agak terhad. Kebanyakan kajian lebih fokus kepada ciri-ciri personaliti usahawan Muslim. Kertas kerja ini bertujuan meneroka pengalaman sebenar usahawan wanita Muslim berjaya dalam menguruskan perniagaan mereka. Perbincangan kertas kerja ini diteruskan dengan ulasan karya, metodologi kajian, dapatan dan perbincangan. Kertas kerja diakhiri dengan kesimpulan dan implikasi dasar.

ULASAN KARYA

Amalan Gaya hidup Islam

Amalan gaya hidup Islam dapat diertikan sebagai satu cara hidup yang selari dengan ajaran Islam. Ia bersesuai dengan konsep *al-Din*. Islam sebagai *al-Din*, bukan setakat keimanan dalam hati, tetapi juga perlu disertakan dengan amalan yang dituntut oleh Islam seta penampilan akhlak dan peribadi yang mulia yang mencakupi seluruh kehidupan harian manusia secara individu maupun masyarakat (Din, 2015). Gaya hidup Islam memastikan seseorang itu memiliki akidah yang benar, melaksanakan amalan yang dituntut oleh Islam dan menunjukkan akhlak yang mulia.

Konsep amalan gaya hidup Islam dalam perniagaan merujuk kepada amalan nilai-nilai Islam oleh usahawan Muslim semasa mereka menjalankan aktiviti perniagaan dalam mencapai kejayaan perniagaan. Amalan nilai-nilai Islam dalam aktiviti keusahawanan ini merangkumi akidah, ibadah dan nilai-nilai akhlak yang mulia.

Bagi usahawan Muslim, meragui konsep qada' dan qadar atau menolak konsep keberkatan rezeki bertentangan dengan amalan gaya hidup Islam. Begitu juga usahawan Muslim yang tidak mengeluarkan zakat mengamalkan riba dalam perniagaan, mengabaikan solat fardu dikira sebagai tidak mengamalkan gaya hidup Islam. Sikap tidak bersyukur, bermotofkan keuntungan semata-mata dan kedekut juga menunjukkan akhlak yang tersasar daripada amalan gaya hidup Islam.

Secara umumnya, amalan gaya hidup Islam dalam kajian ini melibatkan tiga dimensi iaitu keimanan, ibadah dan akhlak. Keimanan dari sudut istilahnya bermaksud mengiktikadkan dengan yakin di dalam hati, berikrar dengan lidah serta mengerjakan dengan anggota badan (Haron Din, 2015). Iktikad ialah *tasdiq* (membenarkan) dalam hati dengan bersungguh-sungguh tanpa sebarang keraguan. Berikrar adalah mengucapkan dengan lisan dengan mengakui dan menyebut ungkapan tertentu terhadap keyakinan yang terpahat (syahadah) dan beramal dengan ajaran-ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. dan melakukan dengan dengan anggota badan. Iman juga merupakan salah satu cabang dari kerangka Islam selain dari elemen amal dan ihsan. Secara umumnya iman dalam Islam dijelaskan dengan memahami rukun Islam.

Dalam kajian ini, aspek keimanan adalah kategori yang pertama di bawah subtema gaya hidup Islam. Hal ini bermaksud amalan gaya hidup Islam perlulah berteraskan keimanan yang sebenar. Seseorang individu itu perlulah beriman dengan Allah serta mengimani rukun iman. Keimanan ini akan memberi natijah kepada amalan atau ibadah dan akhlak seseorang.

Iman dan amalan adalah dua perkara yang beriringan dan tidak terpisah. Hal demikian kerana amalan adalah hasil iman dan iman pula tidak sempurna tanpa amal (Din, 2015). Allah menjelaskan perkara ini dalam al-Quran menerusi firmanNya yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah hanya mereka yang apabila disebut nama Allah berasa gerunlah hati mereka, apabila dibaca kepada mereka ayat-ayat allah bertambahlah iman mereka, dan kepada Tuhan sahaja mereka bertawakal. Mereka mendirikan solat, berbelanja daripada apa yang kami beri rezeki kepada mereka. Mereka itulah orang beriman yang sebenarnya. Mereka akan memperolehi beberapa darjah ketinggian di sisi TuhanNya dan keampunan serta rezeki (nikmat) yang mulia.”
(Surah al-Anfal, 8:2-4)

Ibadah dalam Islam membawa pengertian sebagai ketaatan, ketundukan, penyembahan, doa atau meminta pertolongan dan perlindungan hanya kepada Allah s.w.t yang menjadi pencipta,

pemilik dan pelindung manusia (Din, 2015). Keimanan kepada Allah menjadi asas kepada ibadah. Semua ibadah yang dilaksanakan mestilah semata-mata kerana mengabdiikan diri kepada Allah. Fungsi manusia di atas muka bumi adalah untuk beribadah kepada Allah sebagai tanda kesyukuran terhadap kurniaan rahmat kepada Allah yang tidak terhingga (Din, 2015).

Ibadah terbahagi kepada dua iaitu ibadah khusus dan ibadah umum. Ibadah khusus merupakan ibadah yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah (*hablumminallah*) secara khusus. Ibadah umum berkaitan dengan hubungan manusia dengan manusia (*hablumminannas*) iaitu perkara yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Termasuk dalam kategori ibadah khusus ialah rukun Islam yang lima, di samping doa, zikir, amar ma'ruf, nahi munkar dan jihad pada jalan Alllah. Ibadah umum pula seperti menuntut ilmu, membina diri keluarga, kemasyarakatan kebudayaan, ekonomi, pengurusan, pentadbiran, politik dan sebagainya (Din, 2015). Perniagaan dan keusahawanan adalah sebahagian daripada ibadah umum.

Akhlik adalah salah satu aspek dalam ajaran Islam. Akhlak merujuk kepada kelakuan, tingkah laku yang baik, budi pekerti, moral dan tabiat (Kamus Dewan Online). Dari segi istilah, Imam al-Ghazali (1990) menyatakan bahawa akhlak sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang, yang akan melahirkan perbuatan secara spontan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu.

Islam juga mengaitkan akhlak dengan ibadah. Akhlak yang baik merupakan natijah daripada ibadah yang dilaksanakan. Umpamanya al-Qaradawi (1973) ad menyatakan bahawa ibadah zakat membersihkan jiwa daripada sifat kedekut dan tamak. Zakat membentuk akhlak pemurah dengan mendidik individu berinfak dan membantu orang lain. Sebaliknya, al-Qaradawi (2010) menegaskan bahawa sekiranya ibadah yang ditunaikan oleh seseorang tidak membentuk akhlak dan budi pekertinya, maka ibadahnya tidak mempunyai nilai di sisi Allah.

Akhlik mulia merupakan ciri-ciri dan perilaku yang harus dimiliki oleh setiap Muslim baik hubungannya dengan Allah mahupun

dengan makhluk-makhluk-Nya. Dengan akhlak mulia, manusia akan bahagia dalam hidupnya dunia dan di akhirat nanti. Begitu juga bagi usahawan Muslim yang berjaya, mereka haruslah memiliki ciri-ciri dan nilai sebagai mukmin yang sejati. Dengan nilai dan akhlak Islam yang dibawa mereka bukan sahaja menjadi pendorong kejayaan bagi diri mereka sendiri bahkan juga boleh menjadi teladan kepada orang lain yang ingin berjaya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang diceburi. Hal ini telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w sehingga Baginda digelar al-Amin.

Akhlik boleh juga merujuk kepada sifat mulia dan nilai-nilai murni yang dimiliki oleh usahawan wanita Muslim. Akhlak ini menjadi asas kepada kejayaan usahawan dalam menjalankan perniagaan mereka.

Abdullah (2013) telah menyenaraikan lima kriteria usahawan Muslim berjaya. Berpegang teguh dengan cara hidup Islam dan penghayatan nilai-nilai murni merupakan antara dua kriteria usahawan Muslim berjaya. Cara hidup Islam dan penghayatan nilai murni tersebut merupakan gaya hidup Islam yang terangkum di dalamnya elemen akidah, ibadah dan akhlak.

Usahawan Wanita Muslim berjaya

Kuratko dan Hodgetts (2007) mendefinisikan usahawan sebagai individu yang mengenal pasti peluang di mana orang lain melihatnya sebagai sesuatu masalah. Usahawan Muslim pula adalah individu Muslim yang menjalankan perniagaan dan cara diusahakan secara perniagaan sama ada menghasilkan barang atau memberi sesuatu perkhidmatan bagi memperolehi rezeki yang halal iaitu dengan cara yang tidak bertentangan dengan syariat Islam (Samsudin dan Kamri, 2008). Ringkasnya usahawan Muslim adalah seorang Muslim yang melibatkan diri dengan aktiviti keusahawanan dengan menawarkan barang atau perkhidmatan serta mematuhi syariat dalam pengurusan perniagaan mereka.

Islam tidak melarang wanita terlibat dengan perniagaan. Wanita Muslim perlu menjaga batas mereka sebagai seorang wanita Muslimah, lebih-lebih lagi memikul tanggungjawab sebagai seorang ibu dan isteri. Azmi (2014) menjelaskan antara perkara yang perlu

diberi perhatian oleh usahawan Muslim adalah memastikan barang yang dijual adalah halal dan bukan barang haram atau syubhabah (al-Nahl, 16:115 & al-Ma'idah, 5:3) serta bebas daripada aktiviti dosa seperti pelacuran dan (al-Nur, 24:33).

Kejayaan usahawan Muslim boleh didorong oleh amalan kerohanian yang diamalkan oleh mereka. Amalan kerohanian dan asas-asas ajaran ketuhanan akan membentuk jati diri dan matlamat yang jelas yang ingin dicapai menjadi landasan kepada kejayaan usahawan (Mubarak, 2015; Hussin, 2003). Mubarak (2015) menjelaskan bahawa pencapaian dan kejayaan usahawan Islam adalah manifestasi amalan keagamaan yang diamalkan oleh usahawan. Kejayaan *al-falah* usahawan berakar umbi daripada nilai keimanan dan kepatuhan mereka terhadap syariat dalam segala aktiviti keusahawanan yang dilakukan. Konsep keimanan dan ibadah Islam turut digandingkan dengan nilai akhlak akan melahirkan usahawan yang mentaati Allah. Dengan kata lain, dimensi kejayaan dalam kegiatan keusahawanan Islam merujuk kepada penghayatan dan amalan usahawan terhadap nilai agama yang membawa mereka ke arah kejayaan dalam perniagaan (Mubarak, 2015). Rameli, Aziz dan Wahab (2013) turut menegaskan bahawa usahawan Muslim berjaya perlu memiliki ketaqwaan kepada Allah.

Konsep kejayaan usahawan Muslim adalah dalam dimensi yang luas meliputi kejayaan di dunia dan akhirat. Pegangan akidah yang bertepatan dengan ajaran Islam melahirkan pengabdian diri kepada Allah. Matlamat pengabdian diri kepada Allah memacu usahawan melaksanakan aktiviti usahawan berdasarkan nilai syariat dan akhlak demi mencapai keredaan Allah dan memperolehi keberkatan rezeki. Bagi menjamin keberkatan rezeki, usahawan berjaya akan mengimbangi antara pencapaian perniagaan dengan kebajikan ummah (Mubarak, 2015).

Meskipun kajian tentang amalan gaya hidup Islam amat terhad, namun terdapat beberapa kajian yang mengkaji aspek kerohanian usahawan dan kejayaan. Mubarak, Rahman dan Yaacob (2015) mendapati ciri-ciri dan amalan kerohanian mempengaruhi motivasi usahawan dalam menjalankan perniagaan mereka sehingga membawa kepada kejayaan dalam perusahaan yang diceburi.

Personaliti turut didapati memberi kesan kepada kejayaan. Azmi dan Yaacob (2012) mendapati terhadap hubungan yang penting antara kesan personaliti usahawan dari perspektif Islam terhadap pencapaian mereka dalam bidang perniagaan. Antara ciri-ciri Islam yang dibincangkan termasuklah merujuk kepada sumber Islam iaitu al-Quran dalam urusan harian, menunaikan solat lima waktu, membayar zakat, memberi sedekah kepada yang susah dan memerlukan, melakukan solat sunat seperti tahajud dan duha.

Usahawan Muslim yang berjaya juga mempunyai kriteria dan ciri-ciri tersendiri. Abdullah (2013) mendapati lima kriteria usahawan berjaya iaitu berpegang teguh kepada cara hidup Islam, berusaha melalui cara yang dihalalkan oleh agama, menghayati nilai-nilai murni, menginfakkan harta ke jalan Allah dan menunaikan tanggungjawab terhadap diri, keluarga dan pekerja. Kriteria khusus pula ialah kreatif dan inovatif, kemampuan mengurus, berorientasikan masa hadapan dan bermotivasi. Rameli et al (2013) pula menyenaraikan taqwa, mengutamakan halal, tidak membazir, mengutamakan ibadat kepada Allah, mempunyai nilai moral yang tinggi, amanah, prihatin kepada kebajikan, berpengetahuan dan mengambil berat terhadap masyarakat dan persekitaran sebagai ciri-ciri usahawan Muslim. Kajian juga mendapati ciri-ciri Islam yang ada pada usahawan Muslim adalah asas dan aset yang penting untuk berjaya dalam keusahawanan.

Amalan perniagaan Islam yang diamalkan oleh usahawan turut memberi kelebihan kepada usahawan Muslim. Ahmad dan Kadir (2013) mendapati amalan perniagaan Islam yang menyumbang kepada kejayaan usahawan Muslim adalah bekerja keras dan mematuhi etika perniagaan. Usahawan seharusnya mengutamakan pelanggan dengan menggunakan bahasa yang baik, menghormati pelanggan di samping kreatif, berinovasi dan berani. Sementara Azmi (2014) mendapati peniaga wanita Muslim di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu melaksanakan amalan perniagaan Islam secara sederhana. Terdapat tiga fasa amalan perniagaan Islam yang dikenal pasti iaitu sebelum, semasa dan selepas perniagaan. Sebelum bermiaga, usahawan didapati mengamalkan kewajipan individua atau fardu ain seperti menutup aurat, membaca al-Quran, tahajjud dan solat. Mereka mematuhi prinsip Islam semasa menjalankan perniagaan. Selepas perniagaan pula merka didapati

mengeluarkan zakat dan sedekah.

Perbincangan di atas menimbulkan persoalan apakah gaya hidup Islam yang menyumbang kepada kejayaan perniagaan usahawan wanita Muslim yang berjaya. Kertas kerja ini cuba meneroka amalan gaya hidup Islam dalam kalangan usahawan wanita Muslim yang berjaya.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif dengan kaedah fenomenologikal untuk mempelajari pengalaman sebenar usahawan wanita Muslim berjaya dalam menguruskan perniagaan mereka. Pemilihan usahawan yang terlibat dalam kajian ini adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan dan temu bual mendalam digunakan untuk mengutip data daripada mereka. Pemilihan usahawan wanita Muslim berjaya sebagai informan dalam kajian ini berasaskan kriteria iaitu beragama Islam, wanita, dan berjaya dalam perniagaan iaitu mereka yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya lima tahun. Hal ini kerana tempoh lima tahun perniagaan adalah amat kritikal kepada usahawan. Sebanyak 55% usahawan wanita dalam tempoh lima tahun telah gagal dalam perniagaan (Foster, 2016). Menurut Foster (2016), usahawan wanita yang telah mencapai kelangsungan perniagaan lima tahun dan ke atas telah berjaya menghadapi tahap kritikal perniagaan.

Alam kajian ini, seramai empat orang usahawan wanita Muslim berjaya yang memulakan perniagaan, memiliki serta mengurus perniagaan mereka sendiri di Kedah telah dipilih sebagai informan untuk ditemu bual. Keempat-empat informan telah bermula bagi tempoh di antara 6 hingga 16 tahun. Walau bagaimanapun, kesemua mereka telah berpengalaman dengan memulakan perniagaan lain sebelum menceburi perniagaan terkini. Kesemua informan ini menjalankan perniagaan yang berbeza-beza. Informan pertama (R1) menjalankan perniagaan kosmetik, informan kedua (R2) menjalankan perniagaan pemprosesan makanan sejuk beku, informan ketiga (R3) menjalankan perniagaan kontraktor binaan dan informan keempat (R4) memiliki perniagaan kedai emas. Maklumat demografi informan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Maklumat demografi informan

Informan	Jenis perniagaan	Tahun mula	Tempoh perniagaan (tahun)	Lokasi
R1	Kosmetik	2000	16	Kedah
R2	Makanan Sejuk Beku	2008	9	Kedah
R3	Kontraktor Binaan	2005	11	Kedah
R4	Kedai Emas	2010	6	Kedah

Data dikutip daripada informan menggunakan soalan semi bersturktur. Soalan asas berdasarkan objektif kajian dibentuk sebagai panduan dalam temubual mendalam di mana perbincangan dengan informan adalah terbuka boleh dikembangkan mengikut budi bicara pengkaji dan informan (Lebar, 2015). Bagi memastikan penyelidik mendapat data yang dikehendaki, sahih dan boleh dipercayai, teknik *probing* digunakan semasa temu bual. Soalan-soalan temu bual disahkan oleh pakar dalam bidang pembentukan soalan kualitatif. Semua sesi temu bual telah dilaksanakan pada bulan Mei 2016 di premis perniagaan informan. Ini memberi maklumat tambahan tentang situasi di premis mereka. Sebaik tamat temu bual, penyelidik menyediakan transkrip temu bual mengikut dialog semasa temu bual.

Data daripada temubual dianalisis menggunakan kaedah *general induktive method* untuk kajian kualitatif yang dipelopori oleh Miles, Huberman and Saldana (2014). Kaedah ini melibatkan tiga peringkat analisis iaitu Kondensasi Data (*Data condensation*), Pembentangan data (*Data Display*) dan Melakar rumusan dan Pengesahan (*Drawing conclusion and verification*).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis data temu bual, kajian telah mendapati tiga dimensi amalan gaya hidup usahawan wanita Muslim iaitu keimanan, ibadah dan akhlak. Perbincangan dapatan kajian akan dibentangkan mengikut dimensi yang telah ditemukan. Dimensi-dimensi ini mempunyai beberapa elemen yang akan dibincangkan dalam setiap

dimensi berkenaan. Bukti temu bual disertakan bagi mengukuhkan kesahan dan keboleh percayaan kajian ini. Perbincangan akan dimulakan dengan dimensi keimanan.

i. Keimanan

Hasil analisis temu bual mendapati usahawan wanita Muslim yang berjaya mempunyai tiga nilai keimanan iaitu, menyakini konsep keberkatan rezeki, menyakini rezeki ditententukan oleh Allah dan menyakini kekuatan doa.

Usahawan begitu menyakini konsep keberkatan pada rezeki. Usahawan menjelaskan bahawa amalan sedekah dan zakat yang diamalkan akan menambah keberkatan pada rezeki yang diperolehi. Hal ini mendorong mereka terus berjaya.

...saya tidak lupa mengeluarkan zakat dan sedekah kerana kedua-duanya banyak memberi keberkatan kepada rezeki. (R2)

Usahawan juga menyakini bahawa rezeki ditentukan oleh Allah. Sebagai manusia, mereka hanya berusaha, hasilnya adalah ketentuan Allah. Hal ini dapat dilihat pada usahawan R4 semasa menjelaskan tentang bagaimana beliau memasuki tender lelongan barang kemas.

Dapat atau tidak tender lelongan emas itu bergantung kepada rezeki. Kalau ada rezeki, dapatlah.Kalau rezeki banyak, dapatlah banyak.(R4)

Selain itu, usahawan turut menyakini pada kekuatan doa sebagai senjata Muslim dalam kehidupan. Hal ini jelas apabila usahawan wanita R2 menyatakan beliau bukan sahaja banyak berdoa bahkan juga mengharapkan doa dari rakan-rakan dan saudara mara agar beliau terus berjaya dalam perniagaan.

.. Ya, memang kita kena banyak berdoa. Malah, saya amat mengharapkan doa dari rakan dan orang sekeliling agar apa yang saya inginkan akan tercapai. (R2)

Hasil kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Ghazali dan Kamri (2015), yang mendapati akidah yang murni

sebagai salah satu personaliti Islam yang memberi kesan positif dalam kualiti kerja. Begitu juga dapatan kajian oleh Rameli et al., (2013) dan Azmi dan Yaacob (2012), menyatakan taqwa sebagai salah satu cir-ciri usahawan Muslim yang berjaya. Jadi keimanan yang betul kepada Allah adalah tongak kejayaan dalam perniagaan dan apa juar pekerjaan. Menyakini adanya keberkatan pada rezeki, kekuatan doa dalam urusan perniagaan dan menyakini rezeki ditentukan oleh Allah dapat menjadikan seseorang usahawan itu kuat, gigih, tidak mudah berputus asa. Ini kerana usahawan sebegini menyakini bahawa sekiranya mereka gagal, itu bermakna ia bukan rezeki mereka. Mereka akan terus berusaha untuk mendapatkan rezeki yang ditetapkan oleh Allah. Malah mereka suka bersedekah dan berzakat untuk menambah keberkatan rezeki yang diperolehi.

ii. Ibadah

Hasil analisis temu bual mendapati usahawan wanita Muslim berjaya melakukan ibadat khusus dan ibadat umum. Ibadah khusus yang dilakukan usahawan wanita Muslim berjaya adalah seperti ibadah zakat, solat dhuha, berwakaf, bersedekah, membaca al-Quran. Antara amalan ibadah umum pula adalah seperti, belajar agama, banyak membantu orang dalam keperluan, dan bersilaturrahim.

Didapati usahawan wanita Muslim berjaya mempunyai niat kerana Allah dalam melakukan perniagaan. Sekiranya sesuatu amalan baik itu dilakukan dengan niat kerana Allah SWT, ganjaran pahala akan diperoleh oleh mereka yang melukannya. Ini juga adalah apa yang dimaksudkan dengan ikhlas.

Usahawan memahami bahawa niat amat penting kerana ia menentukan keberkatan rezeki. Hal ini dinyatakan oleh usahawan R2 dan R4. Dalam menjalankan perniagaan usahawan R2 berniat untuk membantu orang ramai.

Niat kitab kena betul kerana ia membawa keberkatan. (R4)
Sejak awal lagi saya berniat untuk membantu orang-orang kampung. (R2)

Di samping itu, kajian juga mendapati usahawan mempunyai niat untuk bersedekah semasa menjalankan perniagaan. Hal demikian dibuktikan melalui temu bual bersama usahawan R4. Beliau menyatakan seperti berikut:

Kedai ini berkonsepkan menjual sambil bersedekah. Upah yang dikenakan tidak mahal kerana niat sejak awal pembukaan kedai emas ini adalah untuk menolong orang Melayu... (R4)

Hasil analisis temu bual mendapati para usahawan wanita Muslim berjaya amat mengambil berat dalam urusan pembayaran zakat perniagaan mereka. Ini seperti yang ditunjukkan oleh usahawan wanita R2, usahawan wanita R3 dan R4 apabila mereka menggunakan cara mereka sendiri mengagihkan bayaran zakat kepada yang memerlukan tanpa melalui saluran pejabat zakat. Sebagai contoh R4 menjelaskan seperti berikut:

Kalau pekerja sakit, saya bagi bantuan atau zakat. Kalau mereka layak mendapat zakat, saya akan beri zakat perniagaan kepada mereka. (R4)

Selain zakat perniagaan, usahawan wanita Muslim berjaya juga didapati bersedekah dan berwakaf. Hal ini seperti yang dinyatakan usahawan wanita R2 di bawah.

Ya, wakaf. Selalunya setiap bulan ada orang datang meminta derma (wakaf) untuk pembinaan surau dan sebagainya. Memang saya bagi. Umpamanya semalam ada yang datang meminta bantuan untuk pembinaan masjid... (R2)

Hasil temu bual turut mendapati usahawan juga mengetahui kelebihan serta mengamalkan solat sunat dhuha ini. Kepentingan dan manfaat solat sunat duha amatlah banyak sehingga nabi SAW amat menganjur umat baginda untuk melakukannya. Antara kelebihan utamanya adalah sebagai pembuka rezeki. Hal ini seperti yang dikongsi oleh usahwan wanita R1 dan R4 berikut.

Alhamdulillah kalau solat duha tu memang saya selalu amalkan, Cuma mungkin tidak setiap hari.. (R1)

Solat duha dilakukan, bacaan Surah al-Waqi'ah, bacaan surah

Yasin dipasang di TV (di premis perniagaan) pada setiap pagi.. (R4)

Usahawan wanita Muslim berjaya turut memberi pertolongan kepada masyarakat sama ada dalam bentuk kewangan maupun tenaga. Ini adalah amalan mulia yang amat disanjung tinggi dalam Islam. Islam amat menggalakkan umatnya untuk tolong-menolong terutama dalam perkara kebajikan. Usahawan wanita R4 menunjukkan beliau amat peka tanggungjawabnya untuk membantu orang yang dengan mengutamakan saudara-mara terdekat, seterusnya yang jauh mengikut keakraban seperti yang dinyatakannya di bawah.

Saya membantu keluarga dan adik-beradik yang susah. Saya utamakan dengan mereka yang terdekat kemudian barulah kepada orang luar seperti anak yatim, pusat tahliz dan sebagainya. Dengan itu saya dapat berkongsi kejayaan dengan mereka, malahan bertambah berkat.. (R4)

Usahawan wanita Muslim berjaya juga menjaga silaturrahim iaitu hubungan kekerabatan. Islam memerintahkan agar umatnya menjaga hubungan silaturrahim. Antara kelebihan menjaga hubungan silaturrahim adalah menambah rezeki bagi yang mengamalkannya. Ternyata usahawan wanita Muslim berjaya dalam kajian ini juga dilihat menyedari hakikat kepentingan bersilaturrahim. Hal ini seperti yang ditunjukkan oleh usahawan wanita R2 yang meyakini ketenangan jiwa dan keberkatan doa dari orang susah merupakan hasil dari usaha menjaga hubungan silaturrahim.

Sekiranya saya susah hati, saya akan bersedekah dan menziarahi orang yang susah dan kurang upaya. Dengan doa mereka, saya beroleh keinsafan dan berasa tenang.. (R2)

Antara kelebihan amalan membaca al-Quran adalah mendapatkan ketenangan jiwa bagi pembacanya dan juga memperoleh keberkatan dalam hidup. Al-Quran itu bukan sahaja menjadi pedoman dan panduan bagi manusia di dunia, malah boleh memberi syafaat di akhirat kelak. Sebagai Muslim, amalan ini haruslah tidak terasing dalam kamus hidup usahawan Muslim bahkan dijadikan antara amalan utama. Hal ini jelas dibuktikan oleh

usahawan wanita Muslim berjaya R2 dan R4 yang ditemu bual. Mereka amat mengambil berat terhadap pembacaan ayat-ayat suci al-quran dan meyakini kelebihannya. Sebagai contoh R2 menjelaskan:

Saya suka baca Yasin sama ada selepas solat sunat atau wajib. (R2)

Kedudukan ilmu itu amat penting di sisi agama Islam. Selain beribadat dan melaksanakan amalan-amalan kebajikan, usahawan wanita juga didapati melibatkan diri dalam aktiviti menuntut ilmu agama. Seperti yang dikongsi oleh usahawan wanita R2 yang menyatakan beliau turut menghadiri majlis ilmu bersama-sama pekerja beliau.

Ada ketikanya saya bersama pekerja menghadiri majlis ceramah agama. (R2)

Hasil kajian ini selari dengan Azmi (2014) yang mendapati peniaga wanita Muslim di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu turut mengamalkan kewajipan individua atau fardu ain seperti menutup aurat, membaca al-Quran, tahajjud dan solat. Peniaga berkenaan juga dilaporkan mengeluarkan zakat dan memberi sedekah sebagai amalan ibadah mereka.

iii. Akhlak Muslim

Hasil analisis temu bual mendapati wujudnya akhlak mulia dalam diri usahawan wanita Muslim berjaya yang telah ditemu bual. Akhlak mulia yang dimiliki oleh mereka termasuklah sifat syukur, tawakal, sabar, dan pemurah.

Syukur adalah pengakuan terhadap nikmat yang dikurniakan Allah dan disertai dengan ketundukan kepadanya serta menggunakan nikmat tersebut sesuai dengan peraturan dan kehendak Allah SWT. Sebagai seorang Muslim, seharusnya usahawan wanita Muslim berjaya juga memiliki sifat syukur dalam menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Hal ini seperti yang dikongsi oleh usahawan wanita R2 dan R4 apabila jelas menunjukkan rasa syukur apabila

mendapat nikmat dan pertolongan.

Saya rasa sangat bersyukur. Saya terus sujud syukur selepas beliau pulang.(R2)

Alhamdulillah, saya mendapat bantuan dan sokongan dari bapa saudara saya.(R4)

Usahawan wanita Muslim berjaya yang ditemu bual juga sentiada bertawakkal kepada Allah. Tawakkal adalah rasa pasrah hamba kepada Allah swt terhadap ketentuanNya yang di sertai dengan segala daya dan upaya mematuhi, setia dan menunaikan segala perintahNya. Dengan sifat tawakal, usahawan wanita Muslim berjaya sentiasa bersyukur sekiranya segala usahanya dalam sesuatu perkara berjaya. Sebaliknya dia akan redha dan ikhlas menerima sekiranya usahanya menemui kegagalan. Usahawan wanita Muslim didapati mempunyai sifat tawakal apabila mereka berharap dan berserah kepada Allah SWT dalam soal rezeki mereka. Mereka juga bertawakkal dalam apa-apa perkara yang ingin mereka capai dan hajati. Hal ini seperti yang ditunjukkan oleh usahawan R4.

Semuanya bergantung kepada keadaan, jika diizinkan Allah maka dapat pendapatan lebih...(R4)

Usahawan wanita Muslim berjaya yang ditemu bual juga didapati menghadapi kerentak perniagaan dengan bersabar. Sabar menurut Islam bermaksud menahan diri dari pelbagai kesusahan dan kesulitan dan meyingkapinya menggunakan akal dan syariat Islam. Sifat sabar menjadi kekuatan yang dapat mendorong seorang usahawan wanita Muslim berjaya di dalam perniagaan. Hal ini dijelaskan oleh usahawan R2 apabila beliau percaya bahawa usahawan harus banyak bersabar dalam mendepani ujian dalam perniagaan. Usahawan wanita R3 pula menyatakan bahawa dengan kesabaran, beliau semakin tabah menghadapi ujian jatuh bangun dalam perniagaan.

.. Tapi tidak mengapalah, Allah bagi juga jalan untuk selesaikan masalah. Kesempitan dan ujian yang Allah beri hanya sementara. Oleh itu kenalah banyak bersabar. (R2)

Dengan pengalaman yang sudah biasa jatuh, panggilan telefon dari bank, kereta kena tarik.. semua itu membuatkan saya menjadi cekal. (R3)

Sifat sabar juga dapat dilihat apabila usahawan R3 cekal dan tabah menghadapi kerena dalam perniagaan. Antaranya cekal dalam berhadapan dengan pihak bank, kegagalan membayar hutang pada masa yang ditetapkan, kereta ditarik oleh bank apabila gagal membayar pinjaman bank dan sebagainya.

Hasil analisis temu bual mendapati usahawan wanita Muslim berjaya memiliki sifat pemurah. Pemurah dalam konteks perbincangan ini bermaksud orang yang suka memberi, ataupun sangat baik hati dalam memberi. Usahawan wanita R2 tidak berkira dalam menentukan harga produk jualannya, malah dan boleh dirunding harganya.

Selalunya harga boleh dirunding. Saya akan kurang dan genapkan harga. Contohnya harga RM3645 akan saya kurangkan kepada RM3400 sahaja. (R2)

Begitu juga usahawan bersifat pemurah dalam timbangan dengan memberi timbangan yang lebih kepada pembeli seperti mana yang dilakukan oleh usahawan R4.

Dalam timbangan saya akan ambil timbangan yang lebih berat. Berat lebih sikit tidak mengapa agar dapat beri lebih kepada pelanggan. (R4)


Hasil kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Ghazali dan Kamri (2015), yang mendapati akhlak yang baik sebagai salah satu ciri personaliti Islam yang memberi kesan positif dalam kualiti kerja. Rameli et al., (2013) pula menyatakan bahawa pengamalan nilai moral yang tinggi sebagai salah satu ciri usahawan Muslim yang berjaya. Akhlak yang baik dan nilai moral yang tinggi di sini boleh difahami sebagai akhlak mulia dalam kajian ini. Dapatan ini juga selari dengan Abdullah (2013) yang mendapati berpegang teguh dengan cara hidup Islam dan penghayatan nilai-nilai murni sebagai antara dua kriteria usahawan Muslim berjaya. Cara hidup Islam dan penghayatan nilai murni tersebut merupakan

gaya hidup Islam yang terangkum di dalamnya elemen akidah, ibadah dan akhlak.

PENUTUP

Kesimpulannya, kajian ini telah menemukan pengalaman sebenar usahawan wanita Muslim berjaya dalam menguruskan perniagaan mereka. Amalan gaya hidup Islam dalam kalangan usahawan wanita Muslim berjaya adalah berkaitan dengan tiga dimensi utama iaitu keimanan, ibadah dan akhlak. Dimensi keimanan merangkumi elemen konsep keberkatan rezeki, meyakini rezeki ketentuan Allah SWT dan kekuatan doa. Dimensi ibadah pula merangkumi elemen ibadah khusus dan ibadah umum yang mengandungi pelbagai bentuk amal ibadah seperti niat yang ikhlas, zakat, wakaf, sedekah, solat sunat, bantu-membantu, bersilaturrahim, membaca al-Quran dan mempelajari hal-hal berkaitan Islam. Seterusnya, dimensi akhlak merujuk kepada elemen akhlak mulia yang dimiliki oleh usahawan wanita Muslim berjaya seperti sifat syukur, tawakkal, sabar dan pemurah. Perhubungan antara kesemua dimensi dan elemen ini dapat diilustrasi seperti dalam rajah 1.

Rajah 1: Gaya hidup Islam Usahawan Wanita Muslim Berjaya



Implikasi yang boleh diperolehi daripada kajian ini ialah amalan gaya hidup Islam perlu diterapkan dalam setiap usahawan wanita Muslim dalam apa juga bidang perniagaan yang diusahakan. Gaya hidup Islam ini menjamin keberkatan dalam segala urusan yang dilakukan oleh usahawan tersebut. Hanya dengan gaya hidup Islam, usahawan wanita Muslim berjaya memperolehi reda Allah SWT di dunia dan akhirat.

Oleh hal yang demikian, untuk berjaya dan mencapai al-falah, usahawan wanita Muslim perlu menerapkan nilai-nilai keimanan,

meningkatkan ibadah serta berakhak mulia. Mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh dalam mengurus perniagaan mereka dengan baik dan bijaksana, seterusnya berdoa dan bertawakal kepada Allah untuk memperoleh kejayaan dunia dan akhirat. Dengan kata yang lain, usahawan wanita Muslim perlu menjaga *hablumminallah* (hubungan dengan Allah) iaitu dengan memelihara dan mengamalkan akidah yang sebenar serta melaksanakan ibadah seperti yang dituntut oleh Allah. Pada masa yang sama, usahawan wanita Muslim yang ingin berjaya juga perlu menjaga *hablumminannas* (hubungannya sesama manusia) seperti menjaga silaturrahim, bersedekah dan berwakaf. Pelaksanaan amalan gaya hidup Islam dapat memastikan wujudnya hubungan *hablumminallah* dan *hablumminannas* dan seterusnya membawa kejayaan *al-falah* kepada usahawan wanita Muslim di dunia dan akhirat.

Penghargaan

Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UUM yang menaja penyelidikan ini (Kod s/o: 13351).

RUJUKAN

- Abdullah, S. (2013). Pure values among entrepreneurs: A study on successful entrepreneurs of Perlis MARA. *International Journal of Business and Social Science*, 4(3), 171-177.
- Ahmad, M, & Kadir, S. A. (2013). Characteristics of entrepreneurs and the practice of Islamic Values in influencing the success of small medium enterprises in Kelantan and Selangor. *Journal of Social and Development Sciences*, 4(5), 229-235.
- Al-Ghazali, al-Imam Hujjah al-Islam Abi Hamid. (1990). *Ihya' 'Ulum al-Din*, juzu' 3. Damsyik: Dar al-Khayr, h. 68.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1973). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2010). *Fiqh Ekonomi Islam*. (Mohamad Dahlan Arshad, terj.), Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn Bhd.
- Azmi, I. A. G & Yaacob, Y. (2012). Entrepreneur's Personality from Islamic Perspective; A Study of Succesful Muslim Entrepreneurs in Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan di International Conference on Economic Business Research.

- Phnom Penh. Disember 2012.
- Azmi, I. A. G (2014). The Implementation of Islamic Business Practices of Women Traders: A Study in an Islamic State in a Developing Country, *Global Journal Al-Thaqafah*, 4 (2), 17-28.
- Azmi, I. A. G., & Ibrahim, M.D. (2013). Wanita dan pelaksanaan amalan keusahawanan Islam: Satu kerangka konseptual. *International Conference on Islamic Management*, 2013. Department of Syariah and Management, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Din, H. (2015)., *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Foster, D. (2016). Women entrepreneurs: Keys to successful business development and sustainability beyond five years. *Walden Dissertations and Doctoral Studies*. Retrieved from <http://scholarworks.waldenu.edu/dissertations/2816>
- Ghozali, M & Kamri, N. A. (2015). Keperibadian Islam dan profesionalisme dalam pekerjaan: Satu analisis teoritis. *Jurnal Syariah*, 23(2), 255-286.
- Hussin, W. S. W. (2003). Ciri-ciri usahawan berjaya dari perspektif al-Qur'an. *Jurnal Usuluddin*, 18, 81-110.
- Kuratko, D. F., & Hodgetts, R. M. (2007). *Entrepreneurship: Theory, Process, Practice*. (7th Ed.). Mason, OH: Thomson South-Western.
- Lebar, O. (2015). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*, Perak: Penerbit Univesiti Pendidikan Sultan Idris.
- Miles, M.B., Huberman, A.M., & Saldana, J. (2014). Qualitative Data Analysis : A Method Sourcebook (3rd Ed.). United States: Sage Publication, Inc.
- Mubarak, M. Z. (2015). Konsep keusahawanan Islam: Terminologi, kerohanian dan al-Falah, dalam *Keusahawanan Sosial Islam: Suatu Pengenalan*, Kelantan: Penerbit UMK, 1-22.
- Mubarak, M. Z., Rahman, A. R. & Yaacob, M. R. (2015). Elemen kerohanian dalam keusahawanan Islam: Kajian terhadap usahawan berjaya di negeri Kelantan. *Journal of Business and Social Development*, 3(1), 43-53.
- Rameli, M. F. P, Aziz M. R. A., Wahab, K. A. & Amin, S. M (2014). Etika perniagaan Islam: Pengalaman usahawan Muslim di Melaka. *Prosiding PERKEM ke-9*, 442 – 450.

- Ramel, M. F. P, Aziz M. R. A., Wahab, K. A. (. (2013). *The Entrepreneurs Characteristic from al-Quran and al-Hadis*. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 4 (4), 191-196.
- Ramel, M. F. P, Aziz M. R. A., Wahab, K. A. (2013). The Muslim Entrepreneurs Characteristic From Mu'amalat Perspective. Dalam 5th Islamic Economic System Conference 2013 (iECONS2013), Sept. 4-5. Kuala Lumpur: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Samsudin, Y. N. H. & Kamri, N. A. (2008). Pembangunan Usahawan Muslim Berteraskan Paradigma Tauhid: Satu Pendekatan. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, 15 Oktober 2008.
- Informan R2, Temubual pada 10 Mei 2016, Jitra.
- Informan R3, Temubual pada 16 Mei 2016, Langkawi.
- Informan R4, Temubual pada 25 Mei 2016, Jitra
- Infroman R1, Temubual pada 2 Mei 2016, Jitra.